

22 NOV 1998

Mahathir-pilihan raya

KEKUATAN NEGARA TERLETAK DI TANGAN RAKYAT, KATA MAHATHIR

KUALA KANGSAR, 22 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kekuatan negara sebenarnya terletak di tangan rakyat biasa yang menyatakan pendirian mereka apabila tiba pilihan raya dan bukannya pada orang yang melakukan demonstrasi jalanan.

Beliau mengulas tindakan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini yang mengecam Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore kerana menyokong gerakan "reformasi" semasa menghadiri mesyuarat Forum Kerjasama Ekonomi Asia-pasifik (APEC) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Oleh kerana serangan biadap ini mereka merasa kecewa dan terhina, dan telah membuat pendirian mereka," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melawat kilang Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd di sini.

"Saya berasa kagum dengan sikap mereka kerana inilah sebenarnya kekuatan negara kita," kata beliau.

Al Gore yang mewakili Presiden Bill Clinton yang tidak jadi datang ke sidang kemuncak APEC di saat-saat akhir ketika berucap pada jamuan makan malam Majlis Penasihat Perniagaan APEC (Abac) seolah-olah menghasut penyokong-penyokong gerakan "reformasi" dengan memuji mereka sebagai "rakyat Malaysia yang berani."

Naib presiden Amerika itu bukan sahaja dianggap campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia tetapi bersikap tidak sopan apabila beliau terus meninggalkan majlis itu sebaik sahaja selesai berucap tanpa menjamah makanan yang disediakan oleh tuan rumah.

Kunjungan Dr Mahathir ke kilang itu adalah sempena lawatan rasmi beliau selama dua hari ke negeri Perak Darul Ridzuan yang bermula semalam.

Perdana Menteri memuji rakyat yang menyuarakan bantahan mereka terhadap kenyataan dan sikap pemimpin Amerika itu.

"Walaupun mereka bukannya berminat dengan politik tetapi mereka tahu apa kehendak mereka," kata beliau.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai Program Cetus Perasaan anjuran Kementerian Penerangan yang akan dilancarkan minggu depan bagi membolehkan rakyat menyuarakan pandangan mereka berhubung isu semasa terutamanya isu ucapan Gore.

"Saya fikir ramai orang biasa yang ingin menjelaskan pendirian mereka dan bilangan mereka ini lebih ramai daripada golongan aktivis yang mahu berbuat yang serupa," katanya.

Menyentuh kemungkinan pendapat yang disuarakan merupakan rungutan atau pandangan yang bertentangan, beliau berkata kerajaan kerap mendengar pandangan seumpama itu.

Katanya media asing sering menegur media tempatan yang kononnya dikongkong oleh kerajaan sehinggakan masyarakat yang mempunyai pandangan yang bertentangan dengan kerajaan tidak dapat menyuarakan pendapat mereka.

"Sebaliknya media asing menolak hak kita untuk menyuarakan pendapat kita. Sebab itu kita lihat media asing memberi laporan yang mirip kepada kehendak mereka.

"Mereka mempunyai agenda tertentu dan menutup mulut kita, menapis kita sehingga kita tidak boleh bercakap," katanya.

Ketika ditanya mengenai taklimatnya kepada Pemuda Barisan Nasional di majlis tertutup yang diadakan di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau memberi penjelasan mengenai perkembangan semasa tentang wujudnya tindakan golongan yang menentang kerajaan yang kini menimbulkan kebencian sebagai alat untuk mendapat sokongan.

"Saya dimaklumkan bahawa mereka sudah sampai ke tahap di mana gambar saya ditunjukkan pada kanak-kanak dan dikatakan kepada mereka "orang seperti ini patut dipancung kepalanya.

"Tindakan mereka ini adalah mengajar anak-anak untuk membenci orang. Walaupun ini mengenai diri saya, saya tidak ambil berat tetapi tindakan mereka ini merosakkan pemikiran kanak-kanak yang belum matang dan mudah dilentur oleh ibu bapa dan guru mengikut sesuka hati mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan telah berusaha untuk menyemai budaya mulia, ada golongan yang tidak mahu mendengar dan dihalang oleh pihak tertentu untuk mendengar.

"Tetapi kita akan mencuba juga untuk mengembangkan budaya mulia ini," katanya.

-- BERNAMA

MAM HK AKD